

MEMUPUK AKHLAK REMAJA TANGGUNGJAWAB SEMUA

Oleh: Iffah binti Mohd Yaziz, 1171740,

Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Disiarkan pada 19 Ogos 2020

Golongan remaja sering dikaitkan dengan masalah sosial yang semakin tenat dan sukar dibendung.

Mereka lebih berminat hidup dalam dunia mereka sendiri tanpa mengambil tahu tentang perkara yang berlaku di sekeliling.

Seperti yang kita sedia maklum, remaja adalah generasi pelapis yang akan memimpin negara pada masa akan datang.

Mereka yang akan mentadbir dan membina negara untuk menjadi lebih maju dan bertambah baik. Namun, siapakah yang bertanggungjawab dalam membina dan mencorak akhlak remaja?

Jawapannya adalah semua pihak perlu terlibat dalam usaha melahirkan remaja yang mempunyai keperibadian diri yang baik.

Remaja pada masa kini sering dikaitkan dengan masalah sosial seperti merokok, basikal lajak, dadah dan mencuri.

Oleh itu, semua pihak terutamanya ibu bapa dan masyarakat perlu mencari penyelesaian terbaik dalam mencorakkan akhlak yang baik terhadap remaja.

Ibu bapa memainkan peranan yang sangat penting dalam membina akhlak remaja kerana mereka ialah orang yang paling dekat dengan anak-anak.

Islam sangat menggalakkan setiap ibu bapa mengambil berat tentang aspek pentarbiahan dan pendidikan anak-anak.

Memetik kata-kata penulis buku Dasar-dasar Pendidikan Menurut Islam, Abdullah Al-Qari Haji Salleh, ibu bapa berperanan untuk mencorakkan dan menerapkan nilai keagamaan kepada anak kerana hanya nilai-nilai Islam dapat membentuk sahsiah anak yang tinggi.

Dalam ayat 45, surah Al-Ankabut, Allah SWT berfirman yang bermaksud, “Sesungguhnya solat itu mencegah dari (perbuatan-perbuatan) keji dan mungkar.”

Ternyata amalan solat dapat mencegah diri kita daripada melakukan perkara-perkara yang tidak baik.

Apabila kita menunaikan solat, ia bermakna kita mengingati Allah SWT dan yakin bahawa Allah SWT sentiasa memerhatikan setiap perbuatan yang kita lakukan.

Apabila kita yakin Allah SWT sentiasa memerhatikan setiap tingkah laku, kita akan menjadi takut untuk melakukan perkara yang dilarang-Nya.



Selain itu, masyarakat juga perlu bersama-sama berganding bahu dalam usaha melahirkan remaja yang berakhlak mulia. Bak kata pepatah, bukit sama didaki, lurah sama dituruni.

Antara usaha yang boleh dilakukan oleh masyarakat adalah memberi dorongan dan sokongan kepada remaja ketika mereka berada dalam fasa ingin berubah.

Seperti yang kita maklum, sesetengah masyarakat memandang rendah dan negatif kepada remaja yang ingin berubah menjadi lebih baik.

Mereka sering mencemooh serta memerli remaja terbabit sehingga menyebabkan semangat mereka yang ingin berubah merudum dan kembali melakukan perkara yang merosakkan diri.

Menurut penceramah motivasi, Prof Datuk Dr Muhaya Mohamad, tanggapan masyarakat yang suka menghukum individu berdasarkan kesilapan yang telah dilakukannya pada masa lalu menyebabkan remaja sukar untuk berubah.



Sehubungan itu, semua pihak perlu memainkan peranan masing-masing dalam melahirkan remaja yang berakhlak mulia untuk memimpin negara pada masa akan datang.

Remaja memerlukan sokongan dan dorongan daripada orang di sekeliling mereka untuk membantu mereka menjadi orang yang berguna dan bermanfaat terhadap agama, bangsa dan negara.